

PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN NAMA PERNIAGAAN (BORANG PNA 42)

Pemilik dinasihatkan membaca dengan teliti arahan di dalam panduan ini sebelum mengisi borang. Borang ini hendaklah ditulis dengan HURUF BESAR dan menggunakan PEN DAKWAT HITAM.

Syarat permohonan nama perniagaan:-

1. Pemilik atau rakan kongsi sesuatu perniagaan sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan.
2. Borang PNA 42 perlu dilampirkan bersama Borang Pendaftaran Perniagaan (Borang A)

Garis panduan mengisi Borang PNA 42:-

A. Saya memohon menggunakan salah satu nama perniagaan mengikut pilihan di bawah.

- Pemilik boleh mengemukakan satu hingga tiga nama perniagaan yang di pohon mengikut keutamaan. Pilihan nama perniagaan mestilah sesuai dengan jenis atau aktiviti perniagaan yang hendak dijalankan.
- Pemilik juga bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan nama Cap Dagang (Trade Mark) tidak digunakan. Sekiranya terdapat arahan mahkamah atau bantahan oleh pihak berkepentingan, pemilik diminta mengambil tindakan mengemukakan permohonan penamatan perniagaan (Borang C) dan mendaftar semula perniagaan menggunakan nama lain.
- Pemilik yang menggunakan nama perniagaan singkatan atau rekaan, sila beri penjelasan maksud atau disokong dengan dokumen berkaitan. Pihak SSM berhak untuk untuk mendapat penjelasan dan maklumat lanjut (jika perlu).
- Pihak SSM akan membuat semakan berdasarkan turutan nama perniagaan yang dipohon, jika pilihan pertama tidak diluluskan, semakan kepada pilihan kedua dibuat, jika diluluskan dan pilihan ketiga tidak akan dibuat semakan.

B. Jenis perniagaan yang dijalankan.

- Jenis perniagaan yang dijalankan sekarang sahaja, tidak dibenarkan mendaftarkan aktiviti perniagaan yang belum dijalankan.
- Jenis perniagaan yang dijalankan mestilah mematuhi peruntukan undang negara, sekiranya jenis/aktiviti yang didaftarkan memerlukan kelulusan/permit/lesen, pemilik bertanggungjawab mendapatkannya dari pihak agensi berkenaan. Sekiranya pemilik gagal memperolehi kelulusan, maka jenis perniagaan yang telah didaftar perlu dikeluarkan daripada daftar perniagaan berkenaan dengan mengemukakan permohonan perubahan maklumat perniagaan (Borang B).

C. PENGESAHAN PEMILIK / SALAH SEORANG RAKAN KONGSI

Pemilik atau rakan kongsi perlu menandatangani dan menulis nama penuh, No. MYKAD/MYPR dan no. telefon bimbit yang mudah dihubungi pada ruang yang disediakan dan tuliskan tarikh permohonan.

PERMOHONAN NAMA PERNIAGAAN

(Tiada bayaran dikenakan. Permohonan ini perlu dilampirkan bersama dengan Borang A)

A. Saya memohon untuk menggunakan salah satu nama perniagaan mengikut pilihan di bawah :

1. **SRI MAJU ENTERPRISE**

2. **TEGUH JAYA RESOURCES**

3. **GIGIH MAJU TRADING**

Jika nama perniagaan menggunakan perkataan rekaan dan singkatan atau selain B. Malaysia / Inggeris.
Sila jelaskan maksud (Jika ada, lampirkan dokumen sokongan).

B. Jenis perniagaan yang dijalankan (Sesuai dengan nama perniagaan yang dicadangkan) :

MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN DAN KAWASAN, KONTRAKTOR BINAAN

C. Pengesahan pemilik atau salah seorang rakan kongsi :

IyliaaFahmi

TANDATANGAN PEMILIK ATAU
SALAH SEORANG RAKAN KONGSI

NAMA : **IYLIAA FAHMI BIN ISHAK**

NO. MYKAD/MYPR : **870626-14-1234**

NO. TELEFON BIMBIT : **019-856 7890**

TARIKH PERMOHONAN

1 0 - 0 4 - 2 0 1 4

Perhatian:

- Permohonan nama perniagaan diluluskan berdasarkan keutamaan nama perniagaan yang dipohon.
- Nama perniagaan yang telah diluluskan diberi tempoh 30 hari dan tidak boleh dipinda atau ditukar kepada pemilik yang lain.
- Jika ada arahan mahkamah atau bantahan oleh pihak ketiga ke atas nama perniagaan disebabkan penggunaan Cap Dagangan dan lain-lain, pemilik diminta mengambil tindakan menutup perniagaan dan mendaftar menggunakan nama perniagaan yang lain.